



BEGINI KEADAAN: Beberapa penduduk melihat keadaan air bertakung selepas banjir kilat di Taman Merak Mas, petang kelmarin.

RM70 juta atasi banjir kilat di Melaka

Oleh Hasnira Hassan

MELAKA: Peruntukan daripada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sebanyak RM70 juta disediakan khusus bagi mengatasi masalah banjir kilat di negeri ini termasuk menaik taraf sistem pengairan dan saluran serta membina kolam takungan banjir.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata beberapa kawasan di dalam pusat bandar menjadi keutamaan bagi pelaksanaan projek terbabit termasuk Malim, Batu Berendam dan Peringgit.

"Kita akan mengadakan satu mesyuarat esok (hari ini) yang akan dipengerusikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Ismail Salleh atau Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Kamarul Zaman Md Isa bagi membincangkan mengenai kos yang

disediakan untuk mengatasi masalah banjir kilat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Taman Merak Mas, Bukit Katil, dekat sini, iaitu antara kawasan di pusat bandar Melaka yang dilanda banjir kilat, berikutan hujan lebih kira-kira setengah jam, kelmarin.

Turut hadir, Kamarul Zaman, wakil Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Pejabat Tanah dan Daerah Melaka Tengah, Jabatan Kerja Raya serta Persatuan Penduduk Taman Merak Mas.

Mengulas mengenai masalah banjir di sebuah taman perumahan yang baru tiga tahun dibuka, Mohd Ali berkata, kawasan yang terbabit adalah bekas kolam takungan yang ditimbus bagi membangunkan projek perumahan di situ.

Malah, beliau mengakui sistem

“ Kita sudah melantik kontraktor bagi membina kolam takungan. Selepas ini, kerajaan negeri akan terus bina dan bil pembayaran kita akan hantar kepada MBMB untuk diselesaikan ”

Mohd Ali Rustam
Ketua Menteri Melaka

perparitan sedia ada di taman perumahan berkenaan tidak mencukupi bagi menampung permintaan penduduk di situ.

Bagaimanapun, katanya, tanah luas 1.6 hektar di kawasan perumahan itu sudah dibeli bagi menggalakan kawasan terbabit dan sudah direzabkan sejak tahun lalu bagi pembinaan kolam takungan.

Namun, katanya, projek yang diserahkan kepada MBMB gagal dilaksanakan sehingga kini.

"Kita sudah melantik kontraktor bagi membina kolam takungan. Selepas ini, kerajaan negeri akan terus bina dan bil pembayaran kita akan hantar kepada MBMB untuk diselesaikan.

"Kolam takungan ini akan dibina dengan mengguna pakai konsep yang sama seperti mana kolam takungan di Sungai Putat," katanya.